



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

BULAN MENABUNG SIMPAN SSPN 2023 KEMBALI, PELUANG IBU BAPA JADI SUPERHERO ANAK

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah melancarkan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 pada hari ini bersempena dengan Sambutan Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun. Majlis pelancaran disempurnakan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN bertempat di Sunway Pyramid Mall, Selangor. Turut hadir YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN dan Lembaga Pengurusan PTPTN.
2. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 merupakan program *signature* PTPTN dalam memartabatkan amalan penabungan dan mempromosikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan pilihan utama masyarakat Malaysia. Program tahunan yang diadakan semenjak tahun 2018 ini dilaksanakan secara *on-ground event* pada 28 September 2023 sehingga 1 Oktober 2023 di Sunway Pyramid Mall, Selangor. Selain daripada itu, BMS 2023 turut membawa kelainan dari tahun sebelumnya apabila buat julung kalinya dilaksanakan menerusi konsep jelajah (*road tour*) merentasi 14 negeri di lokasi terpilih seluruh Malaysia sepanjang bulan Oktober 2023 iaitu bermula 1 Oktober 2023 hingga 31 Oktober 2023.
3. BMS 2023 bertemakan “Robotik : Ke arah Transformasi Dunia Pendigitalan” dengan mengekalkan *tagline* Jom Jadi Superhero Anak Anda. Konsep ini amat signifikan kerana sains dan teknologi robot berkait rapat dengan kemajuan dan memerlukan pengetahuan tentang teknologi terkini. Ini selari dengan agenda pendigitalan PTPTN yang memberi fokus kepada usaha menggalakkan penggunaan aplikasi myPTPTN kepada para peminjam dan pendeposit Simpan SSPN untuk urusan yang lebih mudah, cepat dan selamat.
4. Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk disertai oleh ibu bapa dan anak-anak antaranya Pertandingan Mewarna Simpan SSPN, Pertandingan *Action Song* Simpan SSPN, PTPTN *Esport Challenge (PUBG Mobile)*, Simpan SSPN *Got Talent*, Robotik (*Robomission*), Robotik (Inovasi), *Happy Hour*, penampilan khas Didi & Friends, selebriti jemputan dan banyak lagi. Bagi memeriahkan lagi BMS 2023, Cabutan BMS 2023

diteruskan pada tahun ini dengan hadiah wang tunai berjumlah RM75,000 kepada seramai 66 pemenang.

5. BMS 2023 merupakan usaha pemerksaan penabungan yang dipelopori oleh PTPTN bertujuan untuk memastikan setiap ibu bapa menjadi adiwira atau 'superhero' kepada anak-anak dengan mempunyai perancangan kewangan untuk pendidikan tinggi anak-anak sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada pinjaman.

6. YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN berkata, "Dalam tempoh 19 tahun Simpan SSPN diperkenalkan, pencapaian deposit Simpan SSPN sentiasa menunjukkan peningkatan ketara pada setiap tahun. Sehingga 31 Ogos 2023, jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima adalah sebanyak RM15.81 bilion dengan bilangan akaun berjumlah 6.04 juta akaun. Prestasi ini membuktikan Simpan SSPN terus cemerlang sebagai produk simpanan terbaik pilihan ibu bapa di negara ini."

7. "Berdasarkan kutipan deposit yang memberansangkan dalam tempoh lima (5) tahun penganjuran BMS, saya optimis BMS 2023 akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Malaysia. Justeru, pada tahun ini, PTPTN mensasarkan jumlah deposit Simpan SSPN bagi BMS 2023 sebanyak RM220 juta. Saya yakin sasaran ini akan dapat dicapai dengan sokongan dan kerjasama oleh pelbagai pihak serta strategi promosi yang dilaksanakan. Kejayaan program BMS 2018 hingga 2022 adalah penanda aras terbaik kepada PTPTN bagi merealisasikan matlamat ini," tambah beliau lagi.

8. Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan simpanan dijamin Kerajaan. Pelbagai kempen dan promosi turut dipergiat bagi menyemarakkan lagi amalan penabungan antaranya dengan mengadakan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023.

9. PTPTN akan terus komited untuk meningkatkan kesedaran masyarakat agar terus menabung di dalam Simpan SSPN bagi mengelakkan kebergantungan kepada pinjaman. PTPTN yakin usaha ini akan disokong oleh semua pihak bagi merealisasikan visi PTPTN sebagai 'Peneraju Tabung Pendidikan Tinggi Negara'. Untuk maklumat lanjut berkenaan BMS 2023, layari www.ptptn.gov.my/BMS2023.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
1 Oktober 2023**